

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW
[KEPONG]

TARIKH : 28 OKTOBER 2015 (RABU)

SOALAN :

DR. TAN SENG GIAW [Kepong] minta PERDANA MENTERI menyatakan keadaan sebenar inflasi dan langkah yang diambil bagi membendung inflasi.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jika dilihat pada tren inflasi, pada keseluruhannya kadar inflasi adalah terkawal. Kadar inflasi yang dicerminkan oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi tahun 2014 telah meningkat pada kadar 3.2 peratus, berbanding 2.1 peratus pada tahun 2013. Bagi tempoh Januari-September 2015 pula, kadar inflasi telah meningkat sebanyak 1.9 peratus berbanding 3.0 peratus pada tempoh yang sama tahun 2014.

Kadar pertumbuhan yang lebih kecil berbanding tempoh yang sama tahun 2014 adalah antara lain disebabkan oleh penurunan harga jualan bahan api yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Antara langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi membedung inflasi adalah:

- Menambah baik program Bantuan Rakyat 1Malaysia, meneruskan pemberian bantuan persekolahan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah serta meneruskan pelaksanaan Program Baucar Buku 1Malaysia;
- Menambah bilangan kedai yang menyediakan perkhidmatan dan barangan pada harga yang berpatutan seperti Kedai Rakyat

1Malaysia, Klinik 1Malaysia, Menu 1Malaysia dan Kedai Buku 1Malaysia;

- Membuka lebih banyak pasar tani kekal dan pasar ikan yang beroperasi setiap hari di beberapa lokasi terpilih bagi membekal produk pertanian yang segar pada harga yang berpatutan; dan
- Menkuatkuasakan pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan Akta Persaingan 2010 bagi meminimumkan keuntungan yang berlebihan dan menggalakkan persaingan perniagaan yang sihat.

Sekian. Terima kasih.